



[General](#)

UMPSA diiktiraf Universiti Teknikal No. 1 di Malaysia dan No. 146 terbaik dunia

15 May 2024

PEKAN, 14 Mei 2024 - Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) diiktiraf sebagai universiti ke-146 terbaik dunia di bawah usia 50 tahun oleh *Times Higher Education (THE) Young University Rankings 2024*.

Pencapaian ini meletakkan UMPA berada di kedudukan ke-3 di Malaysia dan di kedudukan nombor satu terbaik dalam kalangan Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

Naib Canselor UMPA, Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, UMPA sebuah universiti berteraskan kejuruteraan dan teknologi kini telah pun berusia 22 tahun.

“Indikator yang mejadi kekuatan UMPA adalah Kualiti Penyelidikan.

“Universiti memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan dan projek dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran di samping mempromosikan aktiviti-aktiviti pengkomersialan produk penyelidikan.

“Pencapaian ini turut membuktikan bahawa UMPA berada di landasan yang tepat selari dengan Pelan Strategik UMPA 2021-2025 dalam memacu kecemerlangan agar setanding dengan universiti terkemuka di dunia amnya dan di Malaysia khususnya,” katanya.

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

Congratulations

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

— RANKED IN —

146 IN WORLD | **3** IN MALAYSIA

2023
201-250

THE World University
Rankings 2024
Young

UMPSAMalaysia
www.umpsa.edu.my

TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT

STARS
SATU SYUKLIM

WORLD
UNIVERSITY
RANKINGS

UI Green
Metric

LIBRARY

Tambah beloiiau lagi, dalam pada itu, THE Young membuat penilaian berdasarkan kepada indikator Research Quality: 30%, Teaching Reputation: 29.5%, Research Environment: 29%, International Outlook: 7.5% dan Industry: 4%.

“Prestasi cemerlang ini tidak dapat direalisasikan tanpa komitmen utuh warga universiti dan kerjasama strategik yang produktif bersama pihak industri, agensi, sektor awam, serta tidak ketinggalan, alumni UMPSA.

“Saya ingin merakamkan penghargaan tahniah buat warga UMPSA yang sentiasa komited mencipta inovasi dan keunikan dalam penawaran penyelidikan, kolaborasi strategik bersama industri serta pengantarabangsaan program akademik melalui jalinan strategik di pelbagai peringkat dalam dan luar negara.

“UMPSA sentiasa komited mencipta inovasi dan keunikan dalam penawaran program akademik melalui jalinan strategik di peringkat antarabangsa,” ujarnya.

Dalam pada itu, universiti menawarkan pelbagai program teknikal berteraskan Kejuruteraan dan Teknologi dan program pengajian Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Termaju (Advanced TVET).

Disediakan Oleh: Mimi Rabita Abd Wahit, Pusat Komunikasi Korporat

TAGS / KEYWORDS

[UMPSA diiktiraf ke-146 terbaik di dunia](#)

[View PDF](#)